

02/03/2003

Pusat marina dibina dekat jeti Tanjung Mas

Junita Mat Rashid

MUAR: Sebuah pusat marina yang menelan belanja RM50 juta akan dibina berhampiran jeti Tanjung Mas, di sini menjelang akhir tahun ini, sekali gus mampu menjadi destinasi pelancongan terbaru di daerah ini.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata daerah itu mempunyai lokasi yang menarik dan sesuai dibangunkan sebagai pusat pelancongan marina.

Katanya, keunikan Muar sebagai bandar yang terletak di muara sungai boleh menarik lebih ramai pelancong melawat Johor.

"Muar adalah satu-satunya bandar yang terletak di hadapan muara sungai yang besar dan berhadapan dengan Selat Melaka. Kedudukannya itu boleh menjadi daya tarikan sebagai kawasan pelancongan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan hari keluarga kilang STMicroelektronics, di sini, semalam.

Katanya, tarikan pelancongan di Muar yang belum diteroka sepenuhnya menyebabkan kerajaan negeri merancang pelbagai projek pembangunan di pesisiran muara Sungai Muar sehingga ke kawasan yang berhadapan dengan Selat Melaka.

"Sehubungan itu, kerajaan Pusat juga sudah meluluskan pembinaan pusat marina dengan peruntukan RM50 juga di jeti Tanjung Mas dan kerja pembinaan akan bermula akhir tahun ini.

"Projek pembangunan itu akan meliputi kawasan sepanjang kira-kira enam kilometer di kawasan berhampiran Tanjung Mas," katanya.

Abdul Ghani berkata, pusat marina itu akan menjadi pusat kegiatan kapal persiaran yang belayar di pesisiran Sungai Muar dan Selat Melaka.

Selain itu, katanya, pelbagai kemudahan termasuk restoran, pusat kebudayaan, taman rekreasi, kelab golf dan kawasan perumahan juga akan dibina di kawasan itu.

Beliau berkata, pembinaan pusat marina itu juga selaras dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu menjadikan pesisiran pantai Malaysia sebagai pusat peranginan seperti di pantai Mediterranean di negara Barat yang menjadi kegiatan menaiki perahu persiaran.

"Perairan pantai negara ini sama ada di pantai barat atau timur memang sesuai dibangunkan sebagai pusat kegiatan rekreasi," katanya.